

PENGGUNAAN PERIBAHASA DALAM P&P BAHASA ARAB BAGI PENUTUR BAHASA MELAYU

Hj. Ahmad bin Ismail
Jabatan Bahasa & Linguistik Arab
Fakulti Pengajian & Peradaban Islam
KUIS
(ahmad@kuis.edu.my)

ABSTRAK

Pembelajaran bahasa asing menemui berbagai masalah samada bagi pelajar atau pengajarnya. Bagi pelajar mereka berhadapan dengan masalah memahami bahasa tersebut dengan mudah dan cepat, penggunaannya dalam petuturan dan penulisan (komunikasi), Manakala bagi pengajar pula bagaimana cara terdekat yang mampu mereka gunakan bagi membantu pelajar untuk menguasai bahasa berkenaan?. Berbagai method dan pendekatan cuba digunakan oleh para pengajar seperti penghafalan mufradat (kosakata), kaedah nahu (tatabahasa) dan teks. Kaedah itu memang dirasakan perlu dan penting. Penggunaan media peribahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing memberi impak dan nilai keberkesanan yang baik. Penulis dalam kajian ini cuba menegenahkan teori penggunaan peribahasa Arab sebagai wadah atau pendekatan. Unsur-unsur keindahan dalam peribahasa yang dipelajari dan kandungannya boleh menarik perhatian dan minat pelajar untuk menghafalnya dan secara langsung akan memberi dorongan dalaman yang kuat dalam mempelajari dan menguasai bahasa yang dipelajarinya itu.

Kata kunci : Peribahasa, P&P, Bahasa Arab, Penutur Bahasa Melayu.

1. PENDAHULUAN DAN LATAR BELAKANG.

1.1 Peribahasa & Kelestariannya: Bangsa dan bahasa yang unggul di dunia ini melahirkan kata-kata indah dalam kehidupan harian mereka, itulah yang dikatakan peribahasa. Peribahasa dalam pengertian umum adalah intipati atau intisari kata-kata hikmat. Dalam apa jua bangsa dan bahasa pun peribahasa adalah cerminan minda intelektual bangsa tersebut. Ia lahir dari pengalaman, ilmu, pemerhatian kepada persekitaran sekeliling mereka. Ia diucapkan dalam bentuk yang ringkas, kemas dan bernas, menarik, sedap didengar dan mempunyai pengaruh yang mendalam dalam jiwa bangsa itu. Atas dasar ini, peribahasa akan diterima pakai dalam berbagai bentuk dan berbagai interaksi dan akan diwarisi dari satu generasi kepada satu generasi merentasi zaman kehidupan dan keujudan bangsa tersebut.

Penulis dan penyelidik Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan dalam buku mereka “*Peribahasa Melayu Penelitian Makna & Nilai*” membawa kata-kata Senu Abdul Rahman (1961) bahawa peribahasa yang terdapan dalam masyarakat sesuatu bangsa itu boleh mencerminkan keadaan masyarakat itu. Melalui pepatah, bidalan atau perumpamaan, kita akan

mengetahui kelebihan serta kelemahannya dan tingkat kemajuan intelektual dan material yang telah tercapai oleh bangsa Melayu.¹

Mieder (1993) mendefinisikan peribahasa sebagai ‘kalimat pendek yang ada dalam masyarakat yang mengandungi unsur kebijaksanaan, kebenaran, moral, dan pandangan tradisional dalam bentuk metafora, berbentuk baku, dan selalu diingat serta diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain’.

Kris Mas menyatakan : “Peribahasa adalah percakapan atau ujaran yang mengandungi kebijaksanaan fikiran dan pemerhatian yang tersusun dalam bentuk yang ringkas, sedap didengar dan benar pada perasaan dan fikiran” (rujuk : Kris Mas. Perbincangan Gaya Bahasa Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (1998).

Penulis ternama, Zamakhsyari (1143M/538H) dalam bukunya *المستقصى في الأمثال* ada menyebutkan:

المثل هو خلاصة تجربة مكثفة مستحبة خلال دهور، ذاتية المنشأ، عامية الفائدة، باستقراءها تتف على كل أبعاد العصر الذي أفرزه.

(Peribahasa adalah intipati pengalaman yang intensif, digemari dalam waktu yang panjang, keahirannya berbentuk individual, dan kemanfaatannya menyeluruh. Dengan menghayatinya dapat mengetahui keadaan dan elemen-elemen masa peribahasa itu dicipta).²

1.2 Penghasilan Peribahasa: Dalam menghasilkan peribahasa, tiga sumber utama telah digunakan oleh masyarakat penuturnya, iaitu:

- i. Melalui pengalaman hidup, khususnya dalam kalangan masyarakat biasa.
- ii. Melalui penaakulan para bijak pandai.
- iii. Menerusi sumber yang didapati daripada kitab-kitab suci (Abdullah Hussain, 2003).

1.3 Tujuan Pengucapan Peribahasa: Masyarakat yang beradab dan penyantun peribahasa diucapkan bagi dua tujuan utama:

- i. Menyembunyikan ungkapan atau kata-kata kasar.
- ii. Penghuraian sistem adat dan budaya.

1.4 Penutur Bahasa Melayu: Penggunaan bahasa dalam kehidupan harian manusia disifatkan sebagai bahasa didikan. Bahasa digunakan oleh ibubapa dalam mendidik anak-anak mereka. Oleh itu satu-satu bahasa yang diguna pakai oleh komunitinya adalah bahasa didikan. Dari peranan Bahasa dalam kehidupan manusia maka Bahasa Melayu adalah bahasa didikan. Penulis Asmah Haji Omar (2015) dalam bukunya *Ensiklopedia Bahasa Melayu* ada menyentuh perkara ini, malah Bahasa Melayu telah mencapai taraf sosialnya sebagai bahasan pendidikan yang

¹ Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Hasan. Peribahasa Melayu Pengertian Makna & Nilai m.s. 3

² Zamakhsyari. *AL-Mustaqsa fi al-Amthal*. (m.s 5)

mendapat tempat dalam kurikulum sekolah, maktab, universiti atau mana-mana institusi pendidikan.³

Bahasa Melayu ialah bahasa Melayu-Polinesia di bawah keluarga bahasa Austronesia yang digunakan di wilayah Malaysia, Indonesia dan persekitarannya sejak lebih seribu tahun lalu. Bahasa Melayu berada dalam senarai 10 bahasa utama dunia yang mempunyai paling ramai penutur dan menduduki tangga kelapan sebagai bahasa utama paling banyak digunakan di laman Internet.⁴

1.5 Bahasa Arab :

Menurut pengkaji sejarah perkembangan bahasa-bahasa dunia, Bahasa Arab merupakan sebuah bahasa terbesar dari segi jumlah penuturnya. Kira-kira 270 juta (206 juta menurut *Ethnologue*, penutur asli dari semua dialek 1998) bahasa ini muncul dari daerah yang sekarang termasuk wilayah negara Arab atau Asia Barat. Bahasa ini berkait rapat dengan bahasa Ibrani dan bahasa Aramia. Bahasa Arab Modern berasal daripada Bahasa Arab Klasik yang telah menjadi bahasa kesusasteraan dan bahasa liturgi Islam sejak sekitar abad ke-VI. Skrip Arab ditulis dari kanan ke kiri.⁵ Ia terjumlah ke dalam Bahasa Semetik (*Semitic Language Family*).

Bahasa Arab terutamanya bahasa Arab *standard* (Fusha) semenjak dahulu lagi telah menjadi satu bahasa yang penting dan tersebar luas dalam kalangan kabilah-kabilah Arab (Al-Rājihī, 1986:12)⁶

1.6 Permasalahan Kajian: Mempelajari Bahasa Arab sebagai bahasa kedua banyak menimbulkan kesukaran di kalangan pelajar, antaranya mengingati kosa kata yang banyak dan struktur nahu yang agak sulit. Kesukaran-kesukaran tersebut menyebabkan pelajar terkandas dalam pembelajaran mereka. Permasalahan ini perlu dicari jalan penyelesaiannya, dengan hasrat membantu mereka menguasai

bahasa yang mereka pelajari ini dalam penulisan dan perhubungan lisan, agar mampu menggunakan metafora Bahasa Arab yang baik dan dapat pula menarik perhatian.

1.7 Kepentingan kajian: Kesukaran dalam memahami dan menguasai Bahasa Arab perlu diberi perhatian oleh para pengajar. Antaranya para pelajar perlu didedahkan dengan pembelajaran peribahasa Arab, agar metafora dan fauna bahasa ini dapat dikuasai dan dapat pula mereka memahami budaya orang Arab dengan lebih mendalam bagi memudahkan lagi perhubungan dengan orang Arab. Olehkerana mempelajari peribahasa menimbulkan pula kesukaran. maka penulis dalam kajian ini cuba membawa satu pendekatan iaitu mencari kesepadanan antara peribahasa Arab yang mereka pelajari dengan peribahasa Melayu. Pada hemat penulis perkara ini sangat perlu diterapkan dalam P&P Pengajaran Bahasa Arab.

³ Asmah Haji Omar. Ensiklopedia Bahasa Melayu. (m.s 35)

⁴ <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/bahasa-melayu-tersenarai-antara-paling-ramai-penutur>

⁵ https://ms.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Arab

⁶ Al-Rājihī, 'Abduh. (1986). *al-Nahw al-'arabiyy wa al-dars al-ḥadīth : Ba ḥth fī al- manhaj*. Beirut: Dār al-Nahdat al-'Arabiyyat.

1.8 Bentuk kajian : Kajian ini adalah kajian kepustakaan dengan mengguna pakai method kualitatif.

2. KEDUDUKAN DAN KEPENTINGAN

2.1 Kedudukan dan Kepentingan Peribahasa Arab Dalam Pengajaran dan Pendidikan: Sebelum pengkaji menyentuh perkara ini, marilah kita hayati dahulu maksud *pengajaran* dan *pembelajaran*. Pendidikan bertujuan untuk mengoptimumkan penghasilan ilmu dan tingkahlaku pelajar. Untuk itu semua pengkaji sependapat mengatakan proses pengajaran yang baik dapat menghasilkan pembelajaran yang baik juga.

Kebanyakan ahli psikologi pendidikan bersetuju bahawa pembelajaran melibatkan perubahan, namun sesetengahnya menganggap pembelajaran merujuk perubahan pengetahuan dan tingkah laku, manakala ada juga yang memfokuskan perubahan tingkah laku sahaja.⁷

2.2 Pengajaran & Pembelajaran

Apa dia pengajaran?

Penulis tertarik dengan dapatan kajian seperti berikut:

Pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Pengajaran ini adalah dirancang guru secara sistematik dan teliti untuk melaksanakannya dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai, membimbing, menggalak dan memotivasikan murid supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperolehi ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan.

Apakah ciri-ciri Pengajaran?

- guru dan murid,
- guru sebagai pengajar dan murid sebagai pembelajar,
- hanya bermakna apabila ada pembelajaran,
- melibatkan instruksi diikuti dengan latihan, indoktrinasi dan pelaziman,
- melibatkan proses pemikiran dan penggunaan bahasa atau symbol,
- ada kaitan dengan tugas dan pencapaian,
- boleh dijalankan dengan aktiviti berpusatkan guru, murid dan gabungan guru-murid serta berpusatkan sumber,
- meliputi rancangan mengajar (KOPI),
- proses yang melibatkan interaksi dua hala,
- ada unsur sains dan seni.⁸

⁷ Saemah rahman & Zamri Mahamod. Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran. m.s.4

⁸ <http://sarinapraktikum.blogspot.com/2009/07/definisi-pengajaran-dan-pembelajaran.html>

Manakala pembelajaran pula, kajian yang sama menghuraikan :

Umumnya “Pembelajaran merupakan proses memperolehi ilmu pengetahuan atau kemahiran”. Mengikut Robert M. Gagne (1970) dalam *The Condition of Learning*, pembelajaran merupakan “perubahan tingkahlaku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan”.

Mengikut Woolfolk (1980) dalam *Educational Psychology for Teachers*, pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru, atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru.

Pembelajaran :

- Satu proses yang berterusan,
- Secara formal dan tak formal,
- Secara formal melalui sekolah – membaca, menulis & mengira dsb.,
- Secara tak formal melalui rakan sebaya, keluarga, media massa, persekitaran.
- Mempunyai teori-teori atau mazhab pembelajaran,
- Empat mazhab pembelajaran utama – behavioris, kognitif, sosial dan humanis.

Dalam pendidikan global, dunia hari ini menyaksikan pelbagai perubahan yang dicetuskan dalam bidang pendidikan. Perkembangan sains dan teknologi merancakkan perkembangan pendidikan. Penemuan-penemuan baharu dalam penyelidikan telah mengukuh dan memperluas pengetahuan, kemahiran dan nilai. Sistem pengajaran dan pembelajaran yang bersifat traditional mula digantikan dengan sistem pengajaran dan pembelajaran yang lebih sofistikated. Tidak dapat dinafikan bahawa guru pada hari ini perlu memantapkan kaedah pengajaran dan penyampaian ilmu agar dapat menghasilkan murid yang cemerlang ilmu dan akhlak selaras aspirasi negara dan tuntutan globalisasi.⁹

Mempelajari bahasa menerusi peribahasanya sangat penting. Pembelajaran dan penghayatan peribahasa bertujuan meningkatkan keupayaan berbahasa dalam kalangan pelajar. Kemahiran berbahasa ini pula akan diteliti dalam konteks kebolehan pelajar menggunakan peribahasa dalam aktiviti seharian dan penulisan. Hasil penulisan tentunya akan menjadi lebih indah dan bermutu sekiranya dimuatkan dengan peribahasa yang tepat dan sesuai.

Sebagaimana ramai menyebutkan bawa menerusi pembelajaran peribahasa bagi satu-satu bahasa akan mendedahkan pelajar kepada budaya dan corak hidup bangsa berkenaan. Mengenali budaya bagi bangsa yang bahasanya itu sedang dipelajari akan memudahkan lagi pembelajaran bahasa tersebut.

Pengajaran peribahasa juga harus dijalankan dengan menggunakan kaedah dan teknik yang menarik. Penggunaan ICT boleh diterapkan untuk menghasilkan ilustrasi yang menggambarkan

⁹ Suresh Kumar N Vellymalay & Sivarajan Ponniah (2017). Guru Berkesan Pemangkin Kecemerlangan. m.s. 84

maksud peribahasa. Pengajaran secara visual ini, seperti tayangan klip video dapat memudahkan murid memahami maksud peribahasa dengan lebih mendalam. Penggunaan kuiz peribahasa Melayu juga boleh diterapkan sebagai aktiviti pengukuhan.¹⁰

Pengkaji sendiri merasa satu lagi teknik dalam pengajaran peribahasa yang berkesan ialah menggunakan kesepadanan antara peribahasa bagi bahasa yang dipelajari dengan peribahasa bahasa ibunda pelajar. Perkara ini pengkaji akan tampilkan dalam bab berikut.

3. KESEPADANAN, KEPENTINGAN, KAEDAH DAN CONTOH

3.1 Kesepadanan Antara Peribahasa Arab dan Peribahasa Melayu.

Seperti yang penulis nyatakan sebelum ini, peribahasa adalah jelmaan kepada kebudayaan satu-satu bangsa. Kebudayaan pula ada kalanya sama antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Oleh yang demikian kita dapati peribahasa juga begitu terutama dari segi makna umum. Untuk mencari peribahasa yang 100% sama adalah amat sukar. Kesepadanan bertujuan untuk melihat kemiripan yang erat antara kandungan bahasa pertama dan bahasa kedua. Ini membawa maksud tidak akan ada 'kesepadanan penuh' diantara dua bahasa. Mengutip pendapat Roman Jakobson (1959), bahawa tidak akan ada 'kesepadanan penuh' diantara dua bahasa.

Bertolak dari kesimpulan di atas, bila kita merujuk kepada peribahasa arab dan peribahasa melayu terdapat kesepadanan antara keduanya yang dapat dilihat dari beberapa sudut. Kita boleh lihat keserupaan dari segi maknanya, meskipun dengan ungkapan yang berbeza. Perbezaan tersebut disebabkan oleh faktor kebudayaan. Hal ini merupakan bukti dari teori hubungan bahasa, bahawa makna sebuah kata terikat oleh lingkungan budaya dan kemasyarakatan bangsa atau rumpun tersebut.

Dalam kajian ini secara umum penulis hanya memperlihatkan tiga bentuk kesepadanan antara Peribahasa Arab dan Peribahasa Melayu seperti berikut:

- i. Kesepadanan maksud dan perkataan.
- ii. Kesepadanan maksud dan perkataan yang hampir sama.
- iii. Kesepadanan maksud umum sahaja.

Ketiga-tiga bentuk kesepadanan ini penulis sekadar menghadirkan beberapa contoh sahaja.

3.2 Kepentingan Peribahasa Dalam Pengajaran Bahasa.

Peribahasa amat penting dalam pengajaran bahasa. Penguasaan kemahiran berbahasa di kalangan pelajar akan meningkat sekiranya pengajar mampu menggunakan peribahasa dengan kaedah yang menarik dan berkesan dalam pengajarannya. Pelajar akan lebih memahami budaya bangsa yang bahasanya sedang dipelajari. Kefahaman budaya amat membantu dalam melonjakkan kemahiran berbahasa

¹⁰ <http://bmcikgushaperiabdhamid.blogspot.com>

قال ابن المقفع (ت. ١٣٢هـ): "إذا جعل الكلام مثلاً، كان ذلك أوضح للمنطق، وأبين في المعنى، وأتق في السمع، وأوسع لشعوب الحدث"¹¹

Penyelidik Nik Radhiah Nik Ali, dalam tulisannya bertajuk : **Kepentingan Peribahasa Arab dalam Pengajaran dan Pembelajaran**,¹² ada menyebutkan: Antara kepentingan peribahasa Arab dalam pengajaran ialah:

- i. Membuka minda pelajar tentang peribahasa asing selain peribahasa Melayu
- ii. Mendidik pelajar menggunakan bahasa yang sopan dalam percakapan.
- iii. Mendidik pelajar dengan budaya masyarakat Arab.
- iv. Pelajar dapat mempelajari peribahasa Islam.
- v. Nilai-nilai murni dapat diterapkan dalam diri pelajar.

3.3 Kaedah Penggunaan Peribahasa Dalam P&P Bahasa Kedua.

Berbagai kaedah yang boleh digunakan oleh pengajar, antaranya:

- i. Pengajar terlebih dahulu mampu memilih peribahasa yang hendak digunakan dan mampu pula mencungkil makna yang tersirat dalam peribahasa berkenaan.
- ii. Memilih perkataan yang hendak difokuskan dalam pengajarannya.
- iii. Memilih peribahasa yang punya kesepadanan dengan bahasa ibunda pelajar berdasarkan bentuk kesepadanan yang telah disebutkan sebelum ini.
- iv. Memilih peribahasa Arab yang mencerminkan dengan jelas dan mudah tentang kebudayaan dan cara hidup orang Arab. Mengetahui budaya membantu pelajar mempelajari bahasa mereka dengan lebih mudah.

Pengkaji dan penulis (مؤمن العنان) ada menyebutkan:

إن استخدام الأمثال كوسيلة لاستكشاف الثقافة يزود المتعلم بوسيلة لتحليل الصور النمطية عن المفاهيم الخاطئة في الثقافة، وكذلك بوسيلة لاستكشاف القيم الثقافية التي تتمثل غالباً في الأمثال عن ثقافتهم.¹³

3.4. Contoh Kesepadanan Antara Peribahasa Arab Dengan Peribahasa Melayu.

Penulis hanya membawa beberapa peribahasa sebagai contoh, seperti berikut:

CONTOH KESEPADANAN PERIBAHASA ARAB DAN MELAYU

	PERIBAHASA ARAB	PERIBAHASA MELAYU	MAKSUD
1	إِنَّ عَلَيْكَ جَرَشًا فَتَعَثَّهُ	Biar lambat asal selamat	Jangan tergopoh gapah dalam melaksanakan

¹¹ الأدب الصغير: عبد الله بن المقفع، ط. ١٩٧٤م، دار بيروت للطباعة والنشر. ص. ٢٧

¹² TAMU-Vol- 12- December-2015

¹³ <https://malannan.wordpress.com>

			sesuatu perkara
2	الحاجة تفتق الحيلة	Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih	Kehendak yang kuat akan membawa kepada usaha yang bersungguh-sungguh untuk mendapatkannya.
3	جزاءُ سِنَمَارٍ	Seperti melepaskan anjing tersepit	Membantu orang yang tidak menghargai bantuan, malah orang yang membantu pula mendapat susah
4	الصَّيْفَ ضَيَّعَتِ اللَّبْنَ	Mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan	Benda belum jadi, dah lebih lebih
5	مَنْ جَدَّ وَجَدَّ	Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sa-gunya	Siapa berusaha lebih dia yang dapat
6	أَبَقِيَ إِنْ الْمُنْتَبَّ لَا أَرْضًا قَطَعَ وَلَا ظَهْرًا	Lebai malang	Jangan kelam-kabut
7	الوقت من الذهب	Masa itu emas	Masa sangat berharga perlu dijaga dan dipenuhi
8	تَسْمَعُ بِالْمُعَيَّيْدِي خَيْرٍ مِنْ أَنْ تَرَاهُ	Indah khabar dari rupa	Tidak sama yang sebenar dengan yang didengar tentangnya.
9	لَا يَنْتَطِحُ فِيهِ عَنَزَانٌ	Seperti raja dengan menteri	Perkara yang benar yang tiada sebarang keraguan baginya.
10	إِنَّ الْحَدِيدَ بِالْحَدِيدِ يُفْلِحُ	Bersua baji dengan matan, tahan baji oleh kelidai	Memohon bantuan dalam perkara yang sukar dengan benda yang serupa
11	لِكُلِّ جَوَادٍ كَبْوَةٌ	Sepandai-pandai tupai melompat, jatuh ke tanah jua.	Semua orang membuat kesalahan

12	أَسْمِنُ كَلْبِكَ يَا كُكُلَكَ	Melepas anjing tersepit, sesudah lepas dia menggigit	Tidak berterima kasih
13	مِثْلُ النَّعَامَةِ لَا طَيْرٌ وَلَا حَمَلٌ	Hempas tulang tak ber- balas jasa	Seseorang yang tidak memberi apa-apa manfaat
14	آفَةُ الرَّأْيِ الْهَوَى	Turutkan rasa binasa, turutkan hati mati	Larangan mengikut ha- wa nafsu dan galakan menggunakan akal.
15	الصَّبْرُ مِفْتَاحُ الْفَرْجِ	Sabar penghilang penat, tekun pembawa dekat	Gesaan bersabar bila menghadapi kesusahan.
16	مَنْ أَشْبَهَ أَبَاهُ فَمَا ظَلَمَ	Bagaimana acuan be- gitulah kuih	Persamaan melalui ketu- turunan.
17	هَيْهَاتَ تَضْرِبُ فِي حَدِيدٍ بَارِدٍ	Bagai kambing menan- duk bukit,	Ingatan agar tidak melakukan kerja yang sia-sia.
18	عَثْرَةُ الْقَدَمِ أَسْلَمٌ مِنْ عَثْرَةِ اللِّسَانِ	Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.	Gesaan menjaga lidah
19	البلاءُ موكَّلٌ بالمنطق	Sebab pulut santan binasa, sebab mulut ba- dan merasa.	Berwaspada ketika bercakap
20	الحكمة ضالة المؤمن	Sebab mutiara sebiji, lautan dalam diselami	Gesaan mencari ilmu dimana tempat sekalipun.
21	لا تُعَلِّمِ الْيَتِيمَ الْبُكَاءَ	Jangan diajar orang tua makan kerak.	Orang yang tahu dengan kerja sendiri lebih dari orang lain.
22	لا يضر السحاب نباح الكلاب	Anjing menyalak bukit takkan runtuh	Cubaan menjatuhkan orang yang lebih kuat.
23	ما حاكَّ جلدك مثل ظفرك	Sauk air mandikan diri	Gesaan melaksana kerja sendiri jangan bergan- tong kepada orang lain.
24	لا يُلْسَعُ مؤمنٌ من جحرٍ مرتين	Takkan dua kali orang tua (si buta) kehilangan tongkat	Gesaan mengambil ikta- bar dari pengalaman yang lepas.
25	الشرُّ قليله كثيرٌ	Jangan diperlelar timba ke perigi, kalua tak pu- tus, genting	Gesaan menjauhi perka- ra yang tidak baik.
26	كما تدينُ تُدانُ	Bagaimana ditanam, begitulah dituai	Mengingatkan si zalim dari meneruskan kezalimannya.
27	من الحبة تنشأ الشجرة	Sedikit- sedikit lama-	Perkara-perkara besar

		lama jadi bukit	terhasil dari perkara-perkara kecil
28	يَوْمٌ لَنَا وَيَوْمٌ عَلَيْنَا	Ini hari orang, esok hari kita	Perubahan keadaan
29	كُلُّ زَائِدٍ نَاقِصٌ	Panas tidak sampai ke petang	Keadaan dunia yang berubah-ubah.
30	النَّاسُ مُعَادِنٌ	Banyak udang banyak garamnya, banyak orang banyak ragamnya	Perangai manusia.

4.1 Dapatan Kajian;

Dari bacaan penulis, penulis dapati kesepadanan antara Peribahasa Arab dan Peribahasa Melayu sangat banyak. Kedudukan ini memberi ruang kepada pendidik untuk menggunakannya dalam pengajaran mereka agar pelajar dapat mempelajari dan memahami Peribahasa Arab dengan baik dan mengiplikasinya dalam pembelajaran mereka

4.2 Harapan dan Penutup:

Peribahasa seperti juga dengan ilmu-ilmu lain, memainkan peranan yang sangat baik dalam pendidikan. Oleh itu para pendidik, pebimbing, daie dan ibubapa boleh menggunakan peribahasa untuk mendidik anak-anak dan generasi mereka.

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, peribahasa boleh digunakan dengan method-method yang berkesan kearah memperkayakan bahasa pelajar dengan menggunakan ungkapan kata-kata yang indah, flora dan fauna bahasa yang terungkap dalam peribahasa yang dipelajari. Kurikulum, buku teks dan pengajaran guru, perlu memberi penekanan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa yang dipelajari oleh para pelajar dengan menggunakan peribahasa dalam bahasa yang diajar dan dipelajari oleh mereka, samada dalam lisan atau penulisan dengan menggunakan unsur kesepadanan.¹⁴

RUJUKAN:

- Zaitul Azma Nainon Hamzah. Ahmad Fuad Mat Hassan. *Peribahasa Melayu Penelitian* Zamakhsyari (2011). *Al-Mustaqsa Fi Al-Amthal*. Jld. 1. Beirut. Dar:ar Sader Publisher.
- Asmah Haji Omar (2015). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Rajih, ‘Abduh. (1986). *al-Nahw al-‘arabiyy wa al-dars al-had it h : Ba hth fi al- man-haj*. Beirut: Dar al-Nahdat al-‘Arabiyyat.
- Saemah rahman & Zamri Mahamod. (2017). *Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Mengoptimumkan pebelajaran Pelajar*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suresh Kumar N Vellymalay & Sivarajan Ponniah (2017). *Guru Berkesan Pemangkin Kecemerlangan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

الأدب الصغير: عبد الله بن المقفع، ط. ٩٧٤م، دار بيروت للطباعة والنشر.

¹⁴ Bab Tiga dan 4 adalah cabutan kertas kerja penulis sendiri. SEMBARA anjuran UNISAS. Okt. 2017

TAMU-Vol- 12- December-2015

[http://www.utusan.com.my/berita/nasional/bahasa-melayu-tersenarai-antara-paling-ramai-penutur.](http://www.utusan.com.my/berita/nasional/bahasa-melayu-tersenarai-antara-paling-ramai-penutur)

https://ms.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Arab

<http://sarinapraktikum.blogspot.com/2009/07/definisi-pengajaran-dan-pembelajaran.html>

<http://bmcikgushaperiabdhamid.blogspot.com>

<https://malannan.wordpress.com>

Bab Tiga dan 4 adalah cabutan kertas kerja penulis sendiri. SEMBARA anjuran UNISAS. Okt. 2017